



PERKEMBANGAN DAN POLA LITERATUR MAQASID SYARI'AH DI MALAYSIA: ANALISIS SISTEMATIK¹

THE DEVELOPMENT AND LITERATURE PATTERN OF MAQASID AL-SHARI'AH IN MALAYSIA: SYSTEMATIC ANALYSIS

^{*1} Ahmad Syukran Baharuddin, ² Aiman Abdull Rahim, ¹ Wan Abdul Fattah Wan Ismail,
¹ Lukman Abdul Mutalib, ¹ Siti Robiatun Addawiyah Roslan & ² Aminuddin Ruskam

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

² Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81300, Skudai, Johor Bharu, Johor

* Corresponding author. E-mail: ahmadsyukran@usim.edu.my

ABSTRACT

Maqāsid Shari'ah is a branch of knowledge based on al-Quran and al-sunnah. Intellectual discourses related to Maqāsid Shari'ah are seen to be increasing with the support given by the government in Malaysia. Among the indicators used to show the level of preparation of academics member in Malaysia regarding the discourse of Maqāsid Shari'ah is through re-observation of the existence of literature and writing journal articles that have been published. Through the writing of journal articles, it indirectly proves the existence of serious revelations, discourses and studies on the concept of Maqāsid Shari'ah among academics. This qualitative study analyzes the development status of Maqāsid Shari'ah in Malaysia based on the writings and publications that have been done. This study uses the PRISMA methodology with the scope of data stored on the web www.scopus.com and <http://myjurnal.my> which brings together thousands of scholarly writings in the world. The final screening results found that a total of 296 articles related to Maqāsid Shari'ah have been published in various fields. Writing patterns are also analyzed to see the writing tendencies of academics in this field. This study is expected to be a guide to further research, especially novice researchers.

Keywords: *Systematic analysis, PRISMA, masalah, Maqāsid Shari'ah, academic writing trend*

¹ Artikel ini merupakan artikel yang telah ditambahbaik dari pembentangan di 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 29 dan 30 Oktober 2020.



ABSTRAK

Maqāsid Syariah merupakan cabang ilmu yang berasaskan al-Quran dan al-sunnah. Wacana-wacana intelek berkaitan Maqāsid Syariah dilihat semakin bertambah dengan sokongan yang diberikan oleh pihak pemerintah di Malaysia. Antara indikator yang digunakan bagi menunjukkan tahap persediaan ahli akademik di Malaysia berkenaan wacana Maqāsid Syariah ini ialah melalui pemerhatian semula terhadap kewujudan literatur dan penulisan artikel jurnal yang telah diterbitkan. Melalui penulisan artikel jurnal, ia secara tidak langsung membuktikan wujudnya pendedahan, wacana dan kajian yang serius berkenaan konsep Maqāsid Syariah dalam kalangan ahli akademik. Kajian kualitatif ini menganalisis status perkembangan Maqāsid Syariah di Malaysia berdasarkan penulisan dan penerbitan yang telah dilakukan. Kajian ini menggunakan metodologi PRISMA dengan skop data simpanan di web www.scopus.com dan <http://myjurnal.my> yang menghimpunkan ribuan penulisan ilmiah di dunia. Hasil tapisan akhir mendapati sebanyak 296 artikel berkaitan Maqāsid Syariah telah diterbitkan dalam pelbagai bidang. Pola-pola penulisan juga dianalisis bagi melihat kecenderungan penulisan para akademik dalam bidang ini. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada penyelidikan seterusnya terutama penyidik novis.

Kata kunci: Analisis sistematik, PRISMA, masalah, Maqāsid Syariah, Trend Penulisan Ilmiah

Pendahuluan

Maqāsid Syariah merupakan satu cabang ilmu yang terkandung dalam ilmu Fiqh yang semakin berkembang. Perkembangan perbahasan dan penulisan ilmu Maqāsid Syariah berlaku dalam kalangan ulama terdahulu serta ulama kontemporari. Ulama terdahulu menyumbangkan sepenuh tenaga mereka dalam menulis dan mengembangkan ilmu Maqāsid Syariah ini. Ada yang menyumbang dalam penelitian berkaitan konteks umum Maqāsid Syariah dan perkaitannya dalam sisi praktikal, dan ada yang membahaskan Maqāsid Syariah dalam ruang perbincangan yang khusus dan terperinci. Kesemua itu menunjukkan proses kematangan ilmu Maqāsid Syariah yang sudah lama bermula (Ahmad Irdha Mokhtar, 2016).

Berdasarkan kepada konteks pentadbiran agama Islam di Malaysia, istilah Maqāsid Syariah sudah mula dipopularkan oleh pemerintahan Perdana Menteri Malaysia keenam, Mohd Najib Abdul Razak pada tahun 2015. Beliau telah mula memperkenalkan Indeks Syariah Malaysia yang berteraskan Maqāsid Syariah dengan teras-teras pembentukan indeks tersebut meliputi pelbagai bidang pentadbiran. Penggunaan konsep Maqāsid Syariah seterusnya disambung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) dari kerajaan Pakatan Harapan, Mujahid Yusof melalui Gagasan Rahmatan lil 'Alamin yang ingin diterapkan dalam pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia berdasarkan daripada kenyataan berikut:



“Gagasan Rahmatan lil ‘Alamin adalah manifestasi kepada prinsip utama pengurusan hal ehwal Islam yang dilaksanakan dalam kerangka Maqasid Syariah bagi melahirkan Model Malaysia sebagai dasar serta hala tuju Malaysia Baharu.”

(JAKIM, 2019)

Menjadikan kerangka Maqāsid Syariah sebagai asas dalam pentadbiran di Malaysia ini memerlukan kepada persediaan yang rapi sama ada daripada aspek teknikal perlaksanaannya mahupun aspek idea dan buah fikiran daripada kalangan ahli akademik tempatan bagi memastikan Maqāsid Syariah mampu menjayakan Gagasan Rahmatan lil ‘Alamin yang diimpikan. Pada tahun 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) dari kerajaan Perikatan Nasional seterusnya telah meneruskan dasar ini. Ia walaupun tidak dicanangkan secara rasmi, namun ia dapat dilihat terutama melalui pendekatan kerajaan dalam menangani situasi COVID-19 yang masih berlaku sehingga kini (Samadi Ahmad, 2020; Lukman A. M., et. al., 2020). Memandangkan Maqāsid Syariah satu perkara yang baru di Malaysia secara umumnya, dan juga dalam pentadbiran hal ehwal Islam secara khususnya, persediaan ahli akademik di Malaysia dalam membawa pemikiran Maqāsid Syariah ini harus diteliti semula dan diberi perhatian khusus. Menjadi satu kebimbangan jika ahli akademik di Malaysia masih belum bersedia dalam membawa pemikiran Maqāsid Syariah ini lalu intipati sebenar Maqāsid Syariah yang ingin diterapkan di Malaysia tidak tercapai, bahkan lebih teruk jika intipati Maqāsid Syariah ini dipesongkan oleh pihak-pihak yang tidak mempunyai integriti dalam membincangkannya secara akademik.

Antara indikator yang digunakan bagi menunjukkan tahap persediaan ahli akademik di Malaysia berkenaan wacana Maqāsid Syariah ini ialah melalui pemerhatian semula terhadap kewujudan literatur dan penulisan artikel jurnal yang telah diterbitkan. Melalui penulisan artikel jurnal, ia secara tidak langsung membuktikan wujudnya pendedahan, wacana dan kajian yang serius berkenaan konsep Maqāsid Syariah dalam kalangan ahli akademik. Maka, kajian ini melihat sejauh mana status perkembangan Maqāsid Syariah di Malaysia berdasarkan kepada pemerhatian terhadap kajian dan penulisan artikel yang diterbitkan oleh ahli akademik di Malaysia. Oleh itu, berdasarkan kepada persoalan yang ditimbulkan, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis perkembangan Maqāsid Syariah di Malaysia melalui pemerhatian semula terhadap kajian literatur yang diterbitkan oleh ahli akademik di Malaysia.

Literatur Klasik Maqāsid Syariah

Penulisan berkaitan Maqāsid Syariah dalam kalangan ulama kontemporari pula bermula apabila Muhammad Ṭahir Ibnu ‘Āshūr menulis berkenaan Maqāsid Syariah dan perinciannya dalam bukunya yang masyhur, *Maqāsid al-Shari‘ah Al-Islamiyah*. Kemudian, wujud pula pelbagai tokoh ilmuwan kontemporari yang lain yang berusaha mengembangkan lagi penulisan dalam bidang ini. Antara tokoh yang terkemuka ialah ‘Allāl Al-Fāsi penulis buku *Maqāsid al-Shari‘ah Al-Islamiyah wa Makārimuhā*, Ahmad Ar-Raisuni yang masyhur sebagai penulis buku *Muḥāḍarāt Fi Maqāsid al-Shari‘ah*, Madkhal Ila Maqāsid al-Shari‘ah dan *Naẓariyāt Al-Maqāsid* ‘Inda As-Syātibīy serta Abdullah bin Bayyah yang banyak



membahaskan peranan Maqāsid Syariah dalam ruang teori dan praktikal seperti dalam bukunya Al-Irhāb, Masyāhid Min al-Maqāsid, 'Alāqah Maqāsid al-Sharī'ah Bi Uṣūl al-Fiqh dan Maqāsid al-Mu'āmalāt Wa Marāsid al-Wāqi'āt. Jadual berikut menghimpunkan literatur-literatur klasik yang menjadi asas kepada perbincangan dalam bidang ini.

Jadual 1: Literatur Klasik bidang Maqāsid Syariah

Tahun	Literatur
908	al-Hakīm al-Tirmidhī (1965, 1969) telah menghasilkan <i>al-Ṣalāt wa Maqāsiduhā</i> dan <i>al-Hajj wa-Asrāruhu</i> menerangkan hikmah pensyariaan ibadah solat dan haji.
933	Abu Zayd al-Balkhī (2003) menulis dua kitab dalam bidang <i>maqāsid</i> in <i>mu'āmalāt</i> dan <i>al-maṣlaḥah</i> bertajuk <i>al-Ibānah 'an 'ilal al-Diyānah and Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus</i> .
975	<i>Mahāsin al-Sharī'ah fī Furū' al-Shafi'iyyah</i> diperkenalkan oleh al-Qaffāl al-Kabīr (2007) yang menjelaskan hikmah penciptaan makhluk dan hukum-hakam yang diturunkan oleh Allah (s.w.t.)
991	<i>Maqāsid al-sharī'ah</i> telah dihuraikan dalam kerangka perundangan oleh al-Āmirī (1988) dalam karya beliau bertajuk <i>al-I'lām bi Manāqib al-Islām</i> .
1085	Abū Ma'ali al-Juwayni Abū Ma'ālī al-Juwaynī (1980, 1997) telah menulis karya seperti <i>al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh</i> and <i>Ghiyāth al-Ummān fī Iltiyāth al-Zulām</i> yang menghuraikan secara spesifik berkenaan <i>maqāsid al-sharī'ah</i> .
1111	al-Ghazālī (1993) telah meneruskan perbincangan oleh al-Juwayni's dalam buku beliau bertajuk <i>al-Mustaṣfā</i> .
1209	Kitab <i>Maqāsid al-Ṣalah</i> dan <i>Maqāsid al-Ṣaum</i> telah ditulis oleh Ibnu Abdul Salam (1995, 2008) dan kemudiannya disusuli dengan kitab <i>Qarwā'id al-Aḥkam fī Maṣāliḥ al-Anām</i> .
1285	al-Qarāfi (2010) telah menulis <i>al-Furūq</i> dan mendefinisikan istilah <i>al-maqāsid</i> yang kemudiannya dikembangkan perbincangan tersebut oleh Ibn 'Āshūr.
1287	Qutb al-Din al-Qaṣṭalānī (1992, t.t.) telah menulis dua kitab, <i>Marāsid al-Ṣalāh fī Maqāsid al-Ṣalāh</i> dan <i>Madārik al-Marām fī Masālik al-Ṣiyām</i> menggunakan pendekatan yang sama seperti yang dijelaskan oleh Ibnu Abdul Salam.
1347	Teori Ibnu Qayyim (2002) berkaitan <i>al-maqāsid</i> dalam <i>al-Ḥiyāl al-Fiqhiyyah</i> telah dibincangkan di dalam <i>I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Alamīn</i> .
1388	al-Shāṭibī (2011) telah menghasilkan karya beliau <i>al-Muwafaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah</i> dan telah membangunkan teori <i>al-maqāsid</i> melalui konsep <i>al-daruriyyat</i> .
1391	al-Zarkashī (1994) menggunakan istilah <i>al-Maṣāliḥ</i> daripada <i>al-Maqāsid</i> dalam kitab beliau <i>al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh</i> . Beliau juga menggunakan istilah <i>istiṣlāh</i> dalam perbincangan beliau yang merujuk kepada <i>maqāsid al-sharī'ah</i> .

Pelbagai pentafsiran dalam klasifikasi Maqāsid Syariah telah dilakukan oleh para fuqaha' dan para sarjana sesuai dengan dimensi tahap keperluan, ruang lingkup pemerintahan dan orang yang disertakan, dan tingkat kesejagatan (Auda, 2010). Klasifikasi ini sejajar dengan konsep Maqāsid Syariah secara keseluruhan seperti yang disebutkan dalam Sūrah al-An'ām dari ayat 151 hingga 154 dan dalam Sūrah al-Isrā' dari ayat 23 hingga 26 (Baharuddin, A. S., 2017).



Sebilangan para fuqaha' mengklasifikasikan Maqāsid Syariah ke dalam beberapa kategori. Bermula dari era awal Islam, setelah era para sahabat, pengkategorian Maqāsid Syariah sedang dibangunkan dan berkembang seiring berjalannya waktu. Selama tiga abad pertama, para sarjana menggunakan istilah seperti hikam, munāsabāt, ma'ānī dan 'ilal untuk mendapatkan makna atau tujuan dan sebab-sebab Maqāsid Syariah (Auda, 2010). Di antara para fuqaha' dan sarjana yang disebutkan di atas, terdapat sejumlah dari mereka yang memberikan sumbangan yang sangat ketara terhadap teori awal Maqāsid Syariah antara abad kelima hingga kelapan, antara lain, Abū Ma'ālī al-Juwaynī (1980, 1997) dengan teorinya mengenai 'Keperluan Umum', al-Ghazālī (1993) dengan teorinya mengenai 'Urutan Keperluan', Ibnu Abdul Salam (1995, 2008) dengan teorinya mengenai 'Kebijaksanaan di sebalik Peraturan', al-Qarāfi (2010) dengan teorinya tentang 'Klasifikasi Tindakan Nabi', Ibnu al-Qayyim (2002) dengan teorinya tentang 'Syariah itu Tentangnya Apa', dan al-Shāṭibī (2011) dengan teorinya tentang 'Maqasid Sebagai Asas'.


Metodologi Kajian

Metodologi pengumpulan data ialah dengan membuat carian khusus yang berfokus kepada dua pangkalan data yang dipilih, iaitu laman sesawang Scopus dan MyJurnal. Scopus merupakan salah satu pangkalan data literatur akademik yang menyimpan beribu-ribu penulisan terpilih daripada seluruh dunia, dan ia boleh dicapai melalui alamat sesawang <https://www.scopus.com/>. Manakala MyJurnal pula merupakan pangkalan data pengumpulan literatur yang diterbitkan di Malaysia yang beralamatkan <http://myjurnal.my>. Carian daripada kedua-dua pangkalan data ditapis melalui kata kunci 'Maqasid', 'Maslahah', 'Masalih', 'Mafsadah', 'Mafasid', ' dan dihadkan kepada artikel hasil penyelidikan di dalam jurnal sahaja. Tempoh masa penerbitan literatur tidak dihadkan bagi mendapatkan maklumat berkenaan penerbitan terawal di Malaysia yang wujud berkaitan Maqāsid Al-Shari'ah. Berdasarkan daripada hasil carian awal, sebanyak 125 artikel jurnal telah diterbitkan dan disimpan di Scopus, manakala artikel jurnal yang terdapat di MyJurnal pula ialah sebanyak 171.

Metodologi analisis data pula dilakukan bermula dengan cara menyusun semua perincian data berkenaan artikel jurnal menggunakan Microsoft Excel. Susunan data dibahagikan mengikut tahun penerbitan, bilangan penulis yang terlibat dalam sesebuah artikel jurnal, serta skop bidang yang dikaji dalam perbincangan Maqāsid Al-Shari'ah bagi setiap literatur. Proses analisis data akan dibuat berpanduan kepada ketiga-tiga pembahagian ini. Tidak dilupakan bahawa jika terdapat pengulangan beberapa buah artikel dalam kedua-dua pangkalan data tersebut, data daripada Scopus dikekalkan dan data daripada MyJurnal akan dipadam memandangkan Scopus lebih diutamakan dalam dunia penulisan artikel jurnal. Tapisan dilakukan bagi mengelakkan berlakunya pengulangan data dalam proses analisis maklumat. Sebanyak 19 artikel di MyJurnal telah ditapis kerana terdapat pengulangan data dalam kedua-dua pangkalan data tersebut. Maka jumlah akhir bilangan literatur yang akan dianalisis daripada kedua-dua pangkalan data tersebut ialah sebanyak 296. Kajian ini menggunakan metodologi PRISMA bagi analisis sistematik dan analisis meta (Liberati et al., 2009).



Rajah 1: Carta Alir Kajian Berdasarkan Metodologi Analisis Sistematis PRISMA





Hasil Kajian

Dalam bahagian ini, hasil analisis maklumat daripada kedua-dua sumber pangkalan data (MyJurnal dan Scopus) akan dipaparkan dan dibincangkan mengikut topik yang berlainan, iaitu (i) Tarikh penerbitan (ii) Bilangan penulis yang terlibat dalam penulisan artikel jurnal (iii) Bidang luar yang dikaji dalam perbincangan Maqāsid Al-Syari'ah.

i- Bilangan Literatur Mengikut Tarikh Penerbitan

Berdasarkan kepada hasil carian, jumlah artikel yang berkaitan dengan Maqāsid Syariah telah diterbitkan sebanyak 296 buah. Jadual 1.1 menunjukkan perbandingan artikel yang diterbitkan mengikut turutan tahun. Artikel pertama daripada Malaysia yang diterbitkan ialah pada tahun 2005. Berdasarkan purata, Malaysia mampu menerbitkan artikel berkaitan Maqāsid Syariah sebanyak 19 hingga 20 artikel setahun.

Jadual 2: Bilangan Artikel Berdasarkan Tahun Penerbitan

Tahun Penerbitan	Bilangan Artikel (Scopus)	Bilangan Artikel (MyJurnal)	Jumlah	Peratusan
2019	12	4	16	5.4
2018	26	37	63	21.3
2017	23	43	66	22.3
2016	14	32	46	15.5
2015	9	24	33	11.1
2014	10	11	21	7.1
2013	10	7	17	5.7
2012	11	1	12	4.1
2011	5	2	7	2.4
2010	3	5	8	2.7
2009	0	0	0	0
2008	0	1	1	0.3
2007	0	1	1	0.3
2006	2	2	4	1.4
2005	0	1	1	0.3
Total	125	171	296	100



ii- Bilangan Literatur Mengikut Bilangan Penulis

Jadual 2.1 menunjukkan jumlah literatur berdasarkan kepada kategori bilangan penulis yang terlibat dalam penerbitan artikel. Senarai artikel dibahagikan mengikut empat kategori, iaitu:

- i. Seorang penulis
- ii. Dua orang penulis
- iii. Tiga orang penulis
- iv. Empat orang penulis atau lebih

Berdasarkan kepada keputusan, artikel di Scopus yang diterbitkan oleh empat orang atau lebih ini mendapat bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 40 artikel (32%). Kemudian diikuti dengan bilangan artikel oleh dua penulis sebanyak 38 artikel (30.4%), tiga orang penulis sebanyak 32 artikel (25.6%) dan seorang penulis iaitu sebanyak 15 artikel (12%).

Jadual 3: Bilangan Penerbitan mengikut Jumlah Penulis di Pangkalan Data Scopus

Bilangan Penulis	Bilangan Artikel	Peratusan (%)
Seorang Penulis	15	12
Dua orang penulis	38	30.4
Tiga orang penulis	32	25.6
Empat atau lebih penulis	40	32
Jumlah	125	100

Manakala di MyJurnal pula, artikel yang diterbitkan oleh dua orang penulis mendapat bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 63 artikel (36.8%), diikuti dengan seorang penulis sebanyak 56 artikel (32.7), tiga orang penulis sebanyak 28 artikel (16.4%) dan empat penulis atau lebih iaitu sebanyak 24 artikel (14%).

Jadual 4: Bilangan Penerbitan mengikut Jumlah Penulis di Pangkalan Data MyJurnal

Bilangan Penulis	Bilangan Artikel	Peratusan (%)
Seorang Penulis	56	32.7
Dua orang penulis	63	36.8
Tiga orang penulis	28	16.4
Empat atau lebih penulis	24	14
Jumlah	171	100



iii- Bilangan Literatur Mengikut Bidang

Jadual 3.1 menunjukkan bilangan literatur yang diterbitkan mengikut bidang pengkhususan. Kesemua artikel ini diasingkan mengikut kategori bidang masing-masing. Senarai kategori ini dibuat melalui pemerhatian kepada bidang utama perbincangan serta kata kunci bagi setiap artikel.

Berdasarkan pemerhatian di Scopus, bidang Ekonomi, Ekonometrik, Perbankan dan Kewangan merupakan bidang yang paling tinggi bagi bilangan artikel yang diterbitkan iaitu sebanyak 61 artikel (48.8%), iaitu hampir separuh daripada bilangan keseluruhan artikel yang diterbitkan. Manakala bidang *Environment and Development* (Alam Sekitar dan Kemajuan) serta bidang Halal merupakan bidang yang paling rendah bilangan artikelnya, iaitu empat buah artikel (3.2%) bagi setiap bidang.

Jadual 5: Bilangan Penerbitan mengikut Bidang Kajian di Pangkalan Data Scopus

Bidang Penyelidikan	Bilangan Artikel	Peratusan (%)
Ekonomi, Ekonometrik, Perbankan dan Kewangan	61	48.8
Kemajuan dan Alam Sekitar	4	3.2
Halal	4	3.2
Pengajian Islam	6	4.8
Perubatan dan Bioetika	14	11.2
Polisi Awam, Pentadbiran, Perundangan, dan Kehakiman	10	8
Sosiologi dan Pendidikan	20	16
Teknologi dan Kejuruteraan	6	4.8
Jumlah	125	100

Senarai artikel di MyJurnal juga mencatatkan bahawa bilangan artikel yang paling tinggi ialah bidang Ekonomi, Ekonometrik, Perbankan dan Kewangan sebanyak 48 artikel (28.1%). Manakala bidang yang mempunyai bilangan artikel yang minimum ialah bidang Kemajuan dan Alam Sekitar serta bidang Teknologi dan Kejuruteraan. Kedua-duanya mempunyai bilangan artikel yang sama iaitu sebanyak tiga artikel (1.8%).



Jadual 6: Bilangan Penerbitan mengikut Bidang Kajian di Pangkalan Data MyJurnal

Bidang Penyelidikan	Bilangan Artikel	Peratusan (%)
Ekonomi, Ekonometrik, Perbankan dan Kewangan	48	28.1
Kemajuan dan Alam Sekitar	3	1.8
Halal	13	7.6
Pengajian Islam	35	20.5
Perubatan dan Bioetika	8	4.7
Polisi Awam, Pentadbiran, Perundangan, dan Kehakiman	27	15.8
Sosiologi dan Pendidikan	34	19.9
Teknologi dan Kejuruteraan	3	1.8
Jumlah	171	100

Ringkasan Literatur

1) Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)

Beberapa literatur yang dihasilkan telah menghubungkan tema utama bagi perbincangan teknologi dan kejuruteraan dengan Maqāsid Syariah. Abdul Halim Ibrahim, Rahman, Saifuddeen, dan Baharuddin (2019b) telah menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan teknologi *tri-parent baby*. Penyelidikan tersebut bertujuan untuk menganalisis dan membincangkan implikasi teknologi *tri-parent* terhadap pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*) dari perspektif Maqāsid Syariah berdasarkan bioetika Islam. Analisis menunjukkan bahawa terdapat pelanggaran prinsip *hifz al-nasl*; oleh itu teknologi *tri-parent* tidak dibenarkan dalam Islam. Selanjutnya, A. H. Ibrahim, Rahman, dan Saifuddeen (2018) juga telah menghasilkan satu lagi penyelidikan yang berkaitan dengan Assisted Reproductive Technology (ART). Kajian tersebut menampilkan kerangka teori yang berdasarkan pada Maqāsid Syariah untuk menyelesaikan masalah bioetika semasa, dengan fokus khusus kepada ART dalam konteks Malaysia, dan membandingkan teori ini dengan teori bioetika yang konvensional. Terdapat beberapa penyelidikan mengenai produk makanan ubahsuai genetik bioteknologi (GM). Antara literatur yang dilakukan oleh Mohd Kashim, Jamsari, Safiai, Adnan, dan Safri (2018) dan A. K. Solihu dan A. R. Ambali (2011). Mereka mengaitkan perbincangan mereka mengenai produk makanan GM dengan prinsip Maqāsid Syariah.



Selain itu, Purwanto dan Wibowo (2017) telah melakukan kajian terhadap tahap penentuan kebajikan pekerja di sebuah universiti dalam perspektif Islam. Kebajikan pekerja di sini merujuk kepada pematuhan terhadap Maqāsid Syariah. Hasil makalah tersebut diharapkan dapat membantu bahagian pembangunan sumber manusia di universiti tersebut untuk membuat keputusan dan polisi seterusnya. Akhir sekali, penyelidikan yang dilakukan oleh S. M. Saifuddeen, Chang, Ibrahim, dan Khotib (2013) mencadangkan kerangka etika yang sesuai berdasarkan ajaran Islam dalam menangani permasalahan ilmiah dan isu teknologi yang baru muncul. Pengembangan kerangka kerja tersebut didasarkan kepada Maqāsid Syariah. Dengan menggunakan kerangka tersebut, ia dapat dijadikan sebagai asas praktikal yang dapat membantu umat Islam dalam memberikan jawapan atau maklum balas terhadap isu-isu yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

2) Perbankan dan Kewangan (*Banking and Finance*)

Kajian dalam bidang penyelidikan perbankan dan kewangan adalah bidang yang sering dikaitkan dengan Maqāsid Syariah. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh D. Aassouli, M.-S. Ebrahim, dan R. Basiruddin (2018) telah mencadangkan penyelesaian pengurusan bagi institusi kewangan Islam dengan mengembangkan struktur model Unleveraged Green Investment Trust (UGIT) untuk memenuhi Maqāsid Syariah melalui tiga objektif utama iaitu kestabilan kewangan, mitigasi perubahan iklim dan pembangunan yang mampan. Begitu juga dengan penulisan Miskam, Yaakub, dan Hamid (2017) telah menekankan perlunya mengatur kerangka pentadbiran Syariah untuk memastikan semua transaksi dan instrumen kewangan disusun sesuai dengan prinsip Syariah untuk mencapai tujuan pelaburan (M. Z. Razaly, A. H. Ishak, R. Saidon, M. A. Redzuan, & M. Z. Mustafa, 2018). Literatur seterusnya adalah penyelidikan yang dilakukan oleh K. M. Tarique, M. U. Ahmed, D. M. Hossain, dan M. A. Momen (2017) yang menganalisis aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) yang dilakukan oleh bank Islam terkemuka di Bangladesh mengikut tahap Maqāsid Syariah (*daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*). Kajian tersebut mendapati bahawa ukuran prestasi untuk kepentingan awam telah digunakan secara meluas oleh bank-bank Islam tersebut. Sebuah literatur yang bertajuk “The Importance of Understanding the Maqasid of Shari’ah in the Development of Islamic Banking and the Financial System” menekankan pentingnya memahami Maqāsid Syariah dalam pembangunan perbankan Islam dan sistem kewangan (A. M. Noor, A. A. Kamarudin, & M. N. Haron, 2016). Pendekatan berasaskan Maqāsid Syariah juga telah dilakukan oleh Oseni (2015) dalam penulisannya untuk menganalisis isu-isu pengurusan dalam perkhidmatan dan produk kewangan Islam.

3) Sosiologi dan Pendidikan (*Sociology and Education*)

Terdapat sejumlah literatur dalam bidang ini yang mengintegrasikan perbincangan sosiologi atau pendidikan dengan Maqāsid Syariah. Antara literatur yang dihasilkan oleh Othman, Hussien, Sidek, dan Faizuddin (2017) berkaitan dengan modifikasi pengetahuan di peringkat pengajian tinggi. Artikel tersebut berpendapat bahawa konsep Islamisasi pengetahuan dapat dipelihara melalui konteks kesejahteraan sosial. Artikel tersebut juga berpendapat bahawa



prinsip-prinsip Maqāsid Syariah perlu diterapkan bagi mengkomersialkan program pendidikan kerana Maqāsid Syariah mempunyai kesan yang besar terhadap keadaan sosial dan budaya.

4) Persekitaran (*Environment*)

Beberapa literatur yang berkaitan dengan persekitaran telah didapati mempunyai kaitan dengan Maqāsid Syariah. Kajian yang dilakukan oleh Bakar, Sarkawi, dan Abdullah (2017) membincangkan mengenai dasar perancangan alam sekitar dan strategi pembangunan dalam konteks Maqāsid Syariah. Matlamat kajian ini adalah untuk memahami dasar-dasar dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang dan strategi pembangunan dalam Rancangan Tempatan Kuantan, yang berkaitan dengan perancangan alam sekitar sejajar dengan lima aspek penting Maqāsid Syariah. Kajian mendapati bahawa terdapat lebih banyak dasar dan strategi untuk memelihara harta benda (*ḥifz al-māl*) sementara itu berkaitan pemeliharaan agama (*ḥifz al-dīn*) berada di peringkat paling rendah. Skor tidak seimbang ini menunjukkan bahawa pemeliharaan harta tanah lebih ditekankan berbanding aspek lain dalam dasar dan strategi perancangan persekitaran dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang dan Rancangan Tempatan Kuantan. Oleh itu, adalah wajar untuk mengembangkan lebih banyak dasar dan strategi untuk perancangan persekitaran dan melanjutkannya kepada elemen-elemen *daruriyyat* yang lain juga. Selanjutnya, Mansour, Hassan, dan Bagheri (2017) telah melakukan penyelidikan mengenai Green Jobs dan etika persekitaran dari perspektif Islam. Konsep pekerjaan hijau muncul pada tahun 2007 sebagai mekanisme untuk menjimatkan tenaga, meminimumkan pelepasan gas asli, mengurangkan pencemaran dan sisa serta melindungi dan memperbaiki ekosistem. Artikel tersebut memfokuskan ke arah mengkaji 'pekerjaan hijau' dari perspektif Islam, dan konsep dan prinsip seperti sia-sia (*israf*), kebersihan (*nazafah*), pembaziran (*itlaf*), tidak membahayakan (*la ḍarar*) dan penyebab (*tasbib*) secara langsung disebut sebagai syarat yang diperlukan untuk 'pekerjaan hijau' yang ditakrifkan secara umum sebagai kerja-kerja memulih dan memelihara alam sekitar.

5) Dasar awam, Pemerintahan dan Perundangan (*Public Policy, Governance and Legislation*)

Literatur yang berkaitan dengan dasar awam, pemerintahan dan perundangan yang mencerminkan penerapan Maqāsid Syariah dapat dilihat dari kajian berikut. Antaranya kajian yang dilakukan oleh I. N. Tahir (2015), berkaitan dengan pemerintahan masyarakat Islam yang berjaya dipimpin oleh khalifah Umar ibn 'Abd Al-'Azīz dengan betul dan teratur telah membuktikan bahawa pengurusan urusan umat sejajar dengan Maqāsid Syariah akan membawa kepada pemerintahan yang aman. Literatur lain yang membincangkan Maqāsid Syariah di bawah bidang perundangan adalah M. H. Ahmad, Baharuddin, Mahat, dan Hashim (2020), A. S. Baharuddin, Ahmad, Ismail, Mutalib, dan Harun (2019), W. A. F. W. Ismail, Baharuddin, Mutalib, dan al-Qubaty (2019), W. A. F. W. Ismail, Baharuddin, Mutalib, Mamat, dan Shukor (2020), W. A. F. W. Ismail, Baharuddin, Mutalib, dan Saharudin (2019), dan M. F. Mohamed et al. (2019). Literatur-literatur tersebut menyoroti peranan agama, sains dan perundangan dalam memenuhi Maqāsid Syariah.



6) Halal

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Kashim et al. (2018) membincangkan mengenai ciri-ciri produk genetik yang diubahsuai (GM) dari perspektif sains dan Maqasid Syariah. Didapati bahawa produk makanan genetik organisma yang diubahsuai (GMO) adalah *halalan tayyiban* kerana makanan dan sumbernya adalah Halal; dan memenuhi syarat bersih, selamat, berkhasiat, dan bebas dari syubhah (*grey area*). Akhmetova (2016) pula mendakwa bahawa banyak masalah timbul sehingga mencadangkan kajian lanjutan dan keperluan kepada maklumat terperinci mengenai makanan GMO. Mengenai spa halal, prinsip telah dikemukakan oleh Halim dan Hatta (2017) mengenai amalan spa dan produk yang akan diamalkan di kalangan pengamal spa di Malaysia untuk memenuhi syarat Syariah. Selain itu, terdapat juga kajian berkaitan konsep Hospital Patuh Syariah '*Shari'ah Compliant Hospital*' (SCH) dan Hospital Pakar An-Nur dijadikan sebagai contoh dengan melaksanakan '*ibadah-friendly hospital*' dengan menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan kakitangan yang mematuhi keperluan Syariah dalam bidang penjagaan kesihatan. Kajian yang dijalankan oleh Arif dan Sidek (2015) mendakwa bahawa rujukan standard yang digunakan oleh JAKIM untuk menentukan status halal produk makanan telah memenuhi konsep *halalan tayyiban* di Malaysia. Munawar (2014) dalam makalahnya menjelaskan faedah menggunakan bahan semula jadi sebagai kesihatan dan keselamatan bagi manusia dan tujuan ini diakui sebagai memenuhi prinsip Syariah.

7) Perubatan dan Bioetika (*Medical and Bioethics*)

Ghalia, Amanullah, Zakariyah dan Muhsin, (2018a) menyatakan bahawa etika adalah asas dalam Islam dan penerapannya terhadap etika perubatan telah berjalan memenuhi tujuan Maqasid Shariah. Samori dan Badran (2018) juga menyetujui perkara tersebut dalam memberikan etika perubatan mengenai terapi gen somatik dengan tambahan peraturan dan larangan tertentu yang harus diikuti oleh pengamal berdasarkan Maqāsid Syariah. Mengenai amalan perubatan, Yacob, Ramli, Majid, Fatah, dan Zahid (2017) dalam makalah mereka menyatakan bahawa sarung gigi (*crown*) dalam rawatan pergigian perlulah bertujuan memulihkan fungsi dan meningkatkan penjagaan kesihatan gigi agar ia diterima berdasarkan keperluan *maqasid*, atau sebaliknya ditolak. Vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak pula sesuai dengan tujuan utama Maqāsid Syariah untuk memelihara kesihatan dan melindungi daripada penyakit menurut Azzahra, Ramli, dan Muhammad (2016). Dalam hal ini, Nordin (2016) pula bersetuju berkaitan program imunisasi yang diwujudkan dalam membantu penyempurnaan tujuan tersebut. Dalam bidang penerapan bioteknologi terhadap perubatan, A. Baharuddin, Musa, dan Salleh (2016) berpendapat bahawa kajian ekstensif mengenai teknologi neurosains perlu dilakukan bagi mendapatkan pemahaman yang tepat mengenai teknologi neurosains ke arah memenuhi garis panduan Maqāsid Syariah. Aplikasi lain ialah kejuruteraan tisu tulang rawan dan teknik ini telah memenuhi Maqāsid Syariah dengan meningkatkan kesihatan sehingga meningkatkan kualiti hidup Radzi, Hashi, dan Sha'ban (2018). M. S. Mohamed dan Noor (2015b) telah membincangkan mengenai bioetika dalam Islam mengenai *sex assignment surgery* (SAS) di kalangan bayi dengan *disorders of sex*



development (DSD) atau keadaan interseks dengan sengaja dipertimbangkan untuk menentukan sama ada prosedur itu selaras dengan syarat Maqāsid Syariah untuk memelihara kepentingan dan mencegah kemudaratan pada individu. Rangka kerja bioetika yang saling melengkapi dengan Maqāsid Syariah juga disarankan oleh Shaikh Mohd Saifuddeen, Rahman, Isa, dan Baharuddin (2014) untuk diterapkan ke atas bioteknologi dan pelbagai bidang yang diaplikasikannya. Kemajuan teknologi DNA tidaklah berbeza daripada pendekatan klasik *physiognomy* (qiyafah) dan juga ia mengikuti syarat aplikasi Maqāsid Syariah untuk digunakan dalam perundangan Syariah. Shabana (2014) melakukan penambahan dalam kajian beliau dengan berpendapat bahawa seorang 'bapa' (merujuk kepada kajian paterniti melalui kaedah saintifik) mesti berada dalam konteks perkahwinan sah. Hal ini bagi memastikan ianya selaras dengan perundangan Islam bagi memastikan bahawa prosedur tersebut tidak melanggar asas perundangan Syariah (Shabana, 2012). Manakala, bioetika dalam bidang genetik dan bioteknologi menurut L. Amin et al. (2011) pula memerlukan garis panduan yang tepat yang sesuai dengan sumber utama undang-undang Islam untuk menghasilkan kerangka bioetika yang komprehensif.

Perbincangan

Berdasarkan kepada hasil analisis yang telah dilakukan, terdapat beberapa perbincangan yang dapat dihasilkan iaitu:

1. Perbincangan dalam bentuk penerbitan artikel jurnal di Malaysia berkaitan dengan Maqāsid Syariah baru sahaja bermula iaitu pada tahun 2005. Ini bermaksud perbincangan Maqāsid Syariah masih belum mencapai tempoh 15 tahun. Dalam tempoh 14 tahun, bilangan artikel yang diterbitkan mula meningkat secara mendadak pada tahun 2010 dan 2012, dan bilangan artikel menunjukkan peningkatan setiap tahun (melainkan pada tahun 2011). Ini menunjukkan bahawa kajian dalam bidang Maqāsid Syariah sudah mula mendapat perhatian dan popular dalam kalangan ahli akademik dan dijangka akan semakin meningkat. Namun begitu, kajian ini terhad kepada biografi dan afiliasi para pengkaji. Terdapat kemungkinan pengkaji-pengkaji dari Malaysia sudah menerbitkan kajian-kajian mereka menggunakan afiliasi luar negara dan menerbitkan hasil-hasil kajian lebih awal dari skop kajian. Maka, kajian lanjut boleh dilakukan bagi mengisi kelompangan ini.
2. Perbincangan Maqāsid Syariah dalam konteks *Economics, Econometrics, Financial and Banking* lebih popular dan mendapat pemerhatian dalam kalangan ahli akademik. Ini memberi isyarat secara tidak langsung bahawa bidang tersebut berkembang dengan pantas dan memberi kesan kepada banyaknya perbincangan dan penulisan yang mampu dihasilkan melalui perspektif Maqāsid Syariah. Bahkan, jelas bahawa bidang-bidang tersebut menjadikan sisi pandang Maqāsid Syariah sebagai salah satu asas perbincangan sesuatu teori. Melihat kepada perbincangan bidang ini yang sangat terkehadapan, kajian ini mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan dalam aspek aplikasi terkini oleh institusi-institusi perbankan di Malaysia.



3. Terdapat bidang-bidang lain yang turut merekodkan hasil kajian dalam lapangan Maqāsid Syariah termasuklah bidang-bidang seperti *Environment and Development, Halal, Islamic Studies, Medical and Bioethics, Public Policy, Governance, Legislation and Jurisdiction, Sociology and Education, Technology and Engineering*. Bidang-bidang ini merekodkan hampir separuh daripada hasil penyelidikan dari sumber koleksi Scopus dan MyJurnal. Hal ini memperlihatkan kewajaran dan trend peningkatan penyelidikan yang menggunakan teori Maqāsid Syariah. Kerajaan wajar memberi sokongan dalam belum pelbagai seperti bantuan dana tambahan bagi membantu menaikkan lebih banyak hasil kajian berkaitan Maqāsid Syariah sekiranya benar-benar serius dalam adaptasi kerangka Maqāsid Syariah dalam pentadbiran dan pemerintahan negara.
4. Kajian ini, hanya menganalisis data-data yang terdapat dalam pangkalan data Scopus dan MyJurnal, perlu ditambahbaik dengan menambah kata kunci carian yang lebih spesifik, memperlebar carian data ke pangkalan data berprestij lain seperti pangkalan data Clarivate Analytics dan seumpamanya. Walaupun begitu, kajian ini menyimpulkan bahawa para cendekiawan di Malaysia telah bersedia untuk membuka lebih banyak diskusi dan kajian berkaitan Maqāsid Syariah dan ianya merupakan suatu perkara yang sangat segar dalam bidang akademik.
5. Sebagai kajian awalan, data yang dipersembahkan adalah terhad kepada jumlah dan klasifikasi artikel serta tidak secara spesifik kepada penyusunan data tersebut dalam bentuk jadual keseluruhan berserta senarai literatur dan tahun penerbitan. Hal ini adalah kerana keterbatasan ruang yang diberikan oleh penerbit. Perincian yang tidak disebutkan ini dicadangkan untuk diterbitkan di jurnal-jurnal berkaitan yang mengkhususkan penulisan-penulisan berunsur kajian bibliometrik, dokumentari, dan kepustakaan.

Kesimpulan

Dengan melihat kepada pola-pola penerbitan hasil kajian yang telah dibentangkan, adalah wajar sekiranya kerajaan meneruskan dasar dan polisi berkaitan yang mengadaptasi Maqāsid Syariah sebagai salah satu aspek dalam pentadbiran. Hal ini dilihat secara ilmiahnya kerana bidang ini semakin mendapat liputan khususnya oleh cendekiawan di Malaysia. Kajian lanjut harus dilakukan bagi mendapatkan data penerbitan atau bibliometrik yang lebih terperinci berkaitan bidang ini supaya kita dapat melihat kelompangan dan ruang eksplorasi bagi kajian-kajian baru yang lebih bersifat fundamental begitu juga dengan kajian melibatkan aplikasi..

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) berkod FRGS/1/2018/SSI03/USIM/03/3.



Rujukan

- Aassouli, D., Ebrahim, M.-S., & Basiruddin, R. (2018). Can UGITs promote liquidity management and sustainable development? *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 10(2), 126-142.
- Abū Ma'ālī al-Juwaynī, A. M. A. Y. (1980). *al-Ghiyāthī Ghiyāth al-Umām fī Iltiyāth al-Zulam* (A. al-Dib Ed. 2nd ed.). Cairo: Maktabah Imam al-Harmain.
- Abū Ma'ālī al-Juwaynī, A. M. A. Y. (1997). *al-Burhān fī Usūl al-Fiqh* (S. Muhammad Ed. 1st ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Abu Zayd al-Balkhī, A. S. (2003). *Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus* (M. Badri & M. 'Ashwi Eds.). Riyadh: Markaz al-Mulk Faisal lil-Buhuth wa-al-Dirasat al-Islamiyah.
- Ahmad Irdha Mokhtar, J. I. A. (2016). Publications in the Maqasid Al-Shari'ah. *Global Journal Al-Thaqafah*, 6(2), 157-170.
- Ahmad, M. H., Baharuddin, A. S., Mahat, N. A., & Hashim, H. (2020). Penggunaan Serangga Sebagai Keterangan Dalam Perundangan Jenayah Islam. *Serangga*, 25(1), 68-83.
- Ahmad Syukran, B. (2017). *The Integration of Forensic Science Fundamentals and Al-Qarinah Towards Achieving Maqasid Al-Shari'ah*. (Doctor of Philosophy), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Akhmetova, E. (2016). Genetically modified food and humanity's well-being: an Islamic perspective. In *Islamic Perspectives on Science and Technology* (pp. 275-287): Springer.
- al-Ghazālī, M. M. (1993). *al-Mustaṣfā*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hakīm al-Tirmidhī, M. A. (1965). *al-Ṣalāh wa-Maqāṣiduḥā*. Cairo: Maṭabi' Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-Hakīm al-Tirmidhī, M. A. (1969). *al-Hajj wa Asrāruhu* (H. N. Zaydan Ed. 1st ed.). Egypt: Matba'ah al-Sa'ādah.
- al-Qaffāl al-Kabīr, M. A. (2007). *Maḥāsīn al-Sharī'ah fī Furū' al-Shafi'īyyah* (A. A. M. A. Samak Ed. 1st ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- al-Qarāfi, A. I. (2010). *Kitāb al-Furūq: Anwār al-Burūq fī Anwā' al-Furūq* (A. S. Muhammad & M. Ali Jum'ah Eds.). Cairo: Dar al-Salam.
- al-Shāṭibī, I. B. M. (2011). *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (A. A. al-Dimyātī Ed. 1st ed. Vol. 2). Cairo: Dar al-Ghad al-Jadid.
- al-Zarkashī, M. A. (1994). *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh* (1 ed.). Beyrūt: Dār al-Kutubi.
- al-'Āmirī, M. Y. (1988). *al-I'lām bi Manāqib al-Islām* (A. A. H. Gharab Ed. 1st ed.). Riyadh: Dar al-Assala.
- Amin, L., Sujak, S. F., Ramlee, S. N. S., Samian, A. L., Haron, M. S., Mohamad, M. N. J. P.-S., & Sciences, B. (2011). Educating the Ummah by introducing Islamic bioethics in genetics and modern biotechnology. 15, 3399-3403.
- Arif, S., & Sidek, S. (2015). Application of halalan tayyiban in the standard reference for determining Malaysian halal food. 11(17), 116.
- Auda, J. (2010). *Maqāṣid al-Sharī'ah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach* (Special ed.). Selangor: Islamic Book Trust.
- Azzahra, F., Ramli, M. A., & Muhammad, N. (2016). *Vaksinasi terhadap Kanak-Kanak Menurut Perspektif Maqasid Syariah*. Universiti Malaya, Maqasid al-Shari'ah: Konsep dan Pendekatan.



- Baharuddin, A., Musa, M. N., & Salleh, S. S. S. (2016). A Preliminary Insight into an Islamic Mechanism for Neuroethics. *The Malaysian journal of medical sciences: MJMS*, 23(1), 1.
- Baharuddin, A. S., Ahmad, M. H., Ismail, W. A. F. W., Mutalib, L. A., & Harun, M. A. W. (2019). Catalysing Global Peace Through The Strengthening Of Forensic Science Application In Shari'ah Law. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 77-103.
- Baharuddin, A. S., Ruskam, A., & Yacob, A. R. (2015). The Role of Forensic Biology in Realising Maqāsid al-Shariah (The Objectives of Islamic Law). *Sains Humanika*, 4(1).
- Bakar, S. A., Sarkawi, A. A., & Abdullah, A. (2017). Environmental Planning Policy and Development Strategies in the Context of Maqasid Al-Shari'ah. *Advanced Science Letters*, 23(7), 6381-6385.
- Ghalia, B., Amanullah, M., Zakariyah, L., & Muhsin, S. M. (2018b). Medical Ethics in the Light of Maqāsid Al-Shari'ah: A Case Study of Medical Confidentiality. *Intellectual Discourse*, 26(1), 133-160.
- Halim, S., & Mohd Hatta, F. (2017). Shari'ah Compliant Spa Practices in Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*.
- Ibnu Abdul Salam, A. A. A. S. (1995). *Maqāṣid al-Ṣaum* (I. K. al-Tibā' Ed. 2nd ed.). Damascus: Dar al-Fikr.
- Ibnu Abdul Salam, A. A. A. S. (2008). *Maqāṣid al-Ṣalāh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ibnu Qayyim, M. A. B. (2002). *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Alamīn* (M. H. A. Sulaiman & A. Abdullah Eds. 1st ed.). Saudi Arabia: Dar Ibnu al-Jawzi.
- Ibrahim, A. H., Rahman, N. N. A., & Saifuddeen, S. M. (2018). Maqasid al-Shariah as a Complementary Framework for Conventional Bioethics: Application in Malaysian Assisted Reproductive Technology (ART) Fatwa. *Science and engineering ethics*, 24(5), 1493-1502.
- Ibrahim, A. H., Rahman, N. N. A., Saifuddeen, S. M., & Baharuddin, M. (2019b). Tri-parent Baby Technology and Preservation of Lineage: An Analysis from the Perspective of Maqasid al-Shari'ah Based Islamic Bioethics. *Science and engineering ethics*, 25(1), 129-142.
- Ismail, W. A. F. W., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., Mamat, Z., & Shukor, S. A. (2020). A Comparative Study Of The Illegitimate Child Term From Shariah And Malaysia Legal Perspective. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8, 101-109. doi:https://doi.org/10.18510/hssr.2020.8412
- JAKIM. (2019). Kenyataan Media YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Berkenaan Seminar Gagasan Rahmatan Lil Alamin. Retrieved from <http://www.islam.gov.my/en/media-jakim/media-statement/1861-kenyataan-media-yb-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-berkenaan-seminar-gagasan-rahmatan-lil-alam>
- Kashim, M., Jamsari, E. A., Safiai, M. H., Adnan, N. I. M., & Safri, L. S. (2018). Genetic Modified Organisms (GMOs) from the Perspective of Science and Maqasid Shari'ah. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(8), 1381-1393.
- Liberati, A., Altman, D. G., Tetzlaff, J., Mulrow, C., Gøtzsche, P. C., Ioannidis, J. P., . . . Moher, D. (2009). The PRISMA statement for reporting systematic reviews and meta-analyses of studies that evaluate health care interventions: explanation and elaboration. *J Clin Epidemiol*, 62(10), e1-e34.



- Abd Mutalib, L. ., Wan Ismail, W. A. F. ., Baharuddin, A. S., Ismail, A. M. ., Awang, M. S., Gunardi, S., Salleh, S. F., & Ahmad, M. H. (2020). Fiqh Pandemik: Istintāj Hukum Dari Sejarah Penularan Hawar Al-Ṭā'ūn Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Maqāsid Syariah: The Fiqh of Pandemics: Legal Deduction from The History of The Contagion of al-Ṭā'ūn Plague in Islam and Its Relationship with Maqāsid Shari'ah. *AL-MAQĀSID The International Journal of Maqāsid Studies and Advanced Islamic Research*, 1(2), 18–41. <https://doi.org/10.17605/OSF.IO/96X8J>
- Mansour, M. S., Hassan, K. H., & Bagheri, P. (2017). Shari'ah Perspective on Green Jobs and Environmental Ethics. *Ethics, Policy & Environment*, 1-19.
- Miskam, S., Yaakub, N. I., & Hamid, M. A. (2017). Shari'ah Governance in Islamic Capital Market: Towards Achieving Maqasid Shari'ah. *Advanced Science Letters*, 23(1), 169-172.
- Mohamed, M. F., Mutalib, L. A., Sahid, M. M., Baharuddin, A. S., Ismail, W. A. F. W., Murad, A. H. A., & Wafa, K. A. (2019). Islamic epistemology and its relations to scientific method in islamic law of evidence. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8, 4350-4352.
- Mohamed, M. S., & Noor, S. N. M. (2015b). Islamic Bioethical Deliberation on the Issue of Newborns with Disorders of Sex Development. *Sci Eng Ethics*, 21, 429-440. doi:10.1007/s11948-014-9534-z
- Mohd Kashim, M. I. A., Jamsari, E. A., Safiai, M. H., Adnan, N. I. M., & Safri, L. S. (2018). Genetic modified organisms (GMOs) from the perspective of science and Maqasid Shari'ah. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(8), 1381-1393.
- Mokhtar, A. I., & Ismail, A. (2016). Publications in the Maqasid Al-Shari'ah. *Global Journal Al Thaqafah*, 6, 157-170. doi:10.7187/GJAT12120160602
- Munawar, N. (2014). The Islamic perspective approach on plant pigments as natural food colourants. 121, 193-203.
- Noor, A. M., Kamarudin, A. A., & Haron, M. N. (2016). The Importance of Understanding the Maqasid of Shari'ah in the Development of Islamic Banking and the Financial System. *Al-Shajarah*, 41-65.
- Nordin, M. M. (2016). Immunisation from the perspective of Maqasid Shari'ah. *Bangladesh Journal of Medical Science*, 15, 151-153.
- Oseni, U. A. (2015). Dispute management in Islamic financial services and products: A maqasid-based analysis. *Intellectual Discourse*, 23, 377-400.
- Othman, A., Hussien, S., Md Sidek, S. S., & Faizuddin, A. (2017). Commodification of knowledge in higher education: Where is the seat of Maqasid Al-Shari'ah and Islamisation? *Al-Shajarah*(Special Issue: Education), 219-244.
- Purwanto, M. I., & Wibowo, F. W. (2017). Analysis of XYZ information technology university employees welfare in Islamic perspective. *Advanced Science Letters*, 23(5), 4981-4985.
- Quṭb al-Din al-Qaṣṭalānī, M. A. (1992). *Madārik al-Marām fī Masālik al-Ṣiyām*. Cairo: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Quṭb al-Din al-Qaṣṭalānī, M. A. (t.t.). *Marāṣid al-Ṣalāh fī Maqāṣid al-Ṣalāh*. Cairo: Dar al-Fadhilah.
- Radzi, M. A. z. A., Hashi, A. A., & Sha'ban, M. (2018). An Overview of the Application of Maqasid Al-Shariah into Cartilage Tissue Engineering. *IIUM Medical Journal Malaysia*, 17(1).



- Razaly, M., Ishak, A., Saidon, R., Redzuan, M., & Mustafa, M. (2018). Maqasid Al-Shari'ah towards investment: Quranic approach.
- Razaly, M. Z., Ishak, A. H., Saidon, R., Redzuan, M. A., & Mustafa, M. Z. (2018). Maqasid Al-Shari'ah towards investment: Quranic approach. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(9), 1739-1746.
- Saifuddeen, S. M., Chang, L. W., Ibrahim, A. H., & Khotib, N. A. M. (2013). Islamic Ethical Framework to Tackle Scientific and Technological Dilemmas. *Journal of Dharma*, 38(4), 373-386.
- Saifuddeen, S. M., Rahman, N. N. A., Isa, N. M., & Baharuddin, A. (2014). Maqasid al-Shariah as a complementary framework to conventional bioethics. *Science and engineering ethics*, 20(2), 317-327.
- Samadi Ahmad. (2020). Covid-19: Kerajaan ambil tindakan tepat. *MyMetro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571680/covid-19-kerajaan-ambil-tindakan-tepat>
- Samori, Z., & Badran, I. (2018). Somatic gene therapy: Ethical consideration and Islamic Fiqhi perspective. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 13, 4353-4361. doi:10.3923/jeasci.2018.4353.4361
- Shabana, A. (2012). Paternity between Law and Biology: The Reconstruction of the Islamic Law of Paternity in the wake of DNA Testing. 47(1), 214-239.
- Shabana, A. (2014). Islamic Law of Paternity Between Classical Legal Texts and Modern Contexts: From Physiognomy to DNA Analysis. 25(1), 1-32.
- Solihu, A. K., & Ambali, A. R. (2011). Dissolving the engineering moral dilemmas within the Islamic ethico-legal praxes. *Sci Eng Ethics*, 17(1), 133-147. doi:10.1007/s11948-009-9185-7
- Solihu, A. K. H., & Ambali, A. R. (2011). Dissolving the engineering moral dilemmas within the Islamic ethico-legal praxes. *Science and engineering ethics*, 17(1), 133-147.
- Tahir, I. N. (2015). Socio-Economic Reforms in Line with the Maqasid Al-Shari'ah : The Case of Caliph 'Umar Ibn 'Abd Al-'Aziz. *Al-Shajarah*, 20(2), 211-246.
- Tarique, K. M., Ahmed, M. U., Hossain, D. M., & Momen, M. A. (2017). Maqasid al-Shariah in CSR practices of the Islamic Banks: A case study of IBBL. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 13(3), 47-63.
- Yacob, N., Ramli, H., Majid, M. N. A., Fatah, F. A., & Zahid, D. M. (2017). The Application of Maqasid Shariah and Legal Maxims in Aesthetic Dentistry Involving Malocclusion and Root Canal Treatment: Case Discussion. *Advanced Science Letters*, 23(5), 4550-4553.